



## INFO

▶ **50 PEKERJA**  
membina terowong

▶ **3 BULAN**  
tempoh terowong disiapkan

▶ **300 ORANG**  
boleh masuk dalam terowong pada satu masa

▶ **60 KAKI**  
kedalaman terowong

▶ **9 LALUAN**  
jalan keluar dan masuk

# Misteri terowong 1km

» Terowong Piyamit bukti cubaan PKM tawan Malaysia

B/H 5/8/12 ms 4.

Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@  
bharian.com.my

**P**ernah melawat Terowong Cu Chi yang kini menjadi antara produk pelancongan popular di pinggir bandar Ho Chi Minh, Vietnam, beberapa tahun lalu, sedikit sebanyak mempengaruhi sentimen serupa bagi penulis tatkala menjejakkan kaki ke Terowong Piyamit di bandar Betong, Thailand.

Terowong bersejarah yang meninggalkan suatu episod kekal bagi Kerajaan Malaysia dan rakyatnya itu pada asasnya tidak banyak beza dengan terowong di Vietnam di mana ia turut memiliki

kemudahan istimewa termasuklah dewan makan, bilik mesyuarat besar, hospital, bilik penginapan, dapur dan bahagian penyimpanan senjata.

## Kubu komunis

Pun begitu, mengenang kembali 'pemilik' asal terowong itu, timbul pula perasaan bercampur baur yang mengusik emosi sementelah mengenangkan Terowong Piyamit adalah salah satu kubu kuat milik pengganas komunis ketika zaman darurat dengan kerajaan Malaysia.

Ternyata, membandingkan dengan teknologi yang ada bagi era 1970-an, pembuatan terowong sejauh kira-kira satu kilometer itu

tidak boleh diperkecilkan sama sekali. Ini ditambahkan dengan beberapa kelengkapan dan peralatan yang digunakan pengganas komunis suatu ketika dulu yang kini boleh disaksikan menerusi ruang pameran kepada pengunjung.

Melihat pula kepingan foto hitam putih yang memaparkan pelbagai peristiwa besar di terowong itu termasuklah kunjungan beberapa orang pemimpin berhaluan kiri terasa betapa markas itu benar-benar berbahaya kepada masyarakat sekitarnya.

Terlindung dari pembangunan pusat bandar Betong yang terletak kira-kira lima kilometer dari situ, Terowong

Piyamit sememangnya agak tersembunyi. Sebagaimana ketika penulis melawat ke lokasi itu dengan kadar bayaran RM5 (bath 50), baru-baru ini, memang destinasi itu agak tersorok.

## Lokasi tersembunyi

Terletak di balik bukit dengan masih diliputi hutan tebal hingga kini, terowong bersejarah itu bukan lagi lokasi yang patut digeruni kerana ia kini menjadi antara destinasi pelancongan popular di kalangan pelancong ke Betong. Malah, pintu gerbang yang menghubungkan pengunjung ke destinasi itu turut mencatat sejarah ringkas pembinaan Terowong Piyamit.



Antara tinggalan sejarah yang menjadi bukti pendudukan PKM di Terowong Piyamit.